

PEKELILING KEWANGAN BIL 7/2013

Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan

SISTEM PENGURUSAN DAN TUNTUTAN KERJA LEBIH MASA (SPKLM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan, tuntutan elaun kerja lebih masa bagi kakitangan **bukan syif** boleh dibuat secara atas talian di laman web Sistem Pengurusan dan Tuntutan Kerja Lebih Masa (SPKLM) di alamat <http://www.ukm.my/spklm> (login & password seperti sistem e-warga).

Walau bagaimanapun sebelum tuntutan boleh dibuat, arahan kerja lebih masa terlebih dahulu perlu dikeluarkan oleh para penyelia di jabatan masing-masing mengikut kod aktiviti kerja lebih masa yang berkaitan.

Berikut adalah jadual pelaksanaan SPKLM untuk makluman dan tindakan :-


Bil	Aktiviti	Tarikh
1	Tarikh mula memasukkan arahan kerja lebih masa	22/04/2013
2	Tarikh mula membuat tuntutan atas talian (kakitangan)	1/06/2013
3	Tarikh akhir membuat pengesahan tuntutan atas talian (Ketua Jabatan / Unit / Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional)	14 haribulan setiap bulan

Sehubungan itu, diharap Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengemukakan senarai aktiviti kerja lebih masa di jabatan / unit masing-masing kepada ahmadj@ppukm.ukm.edu.my bagi tujuan penyediaan kod aktiviti selewat-lewatnya pada **12 April 2013**.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi nombor sambungan 5239/5200 atau emel kepada alamat di atas selain merujuk kepada **Manual Pengguna** yang terdapat dalam sistem tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



RABIAH BT HJ. ARHAM

Ketua

Jabatan Kewangan

sk - Dekan Fakulti Perubatan & Pengarah PPUKM

Jabatan Kewangan, Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latiff,
Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur
Telefon: +603-9145 5201/5202/5203/5200 Faksimili: +603-91455186
Laman Web: <http://kewangan.hukm.ukm.my>